



Open in app

Get started



Business Journal · Follow

Feb 24 · 2 min read



IBN Corp Ltd menangi Anugerah Pilihan Pengguna yang berprestij

KUALA LUMPUR (23 FEB) — IBN Corp Ltd (“IBN Corp”) baru sahaja meraih Anugerah Pilihan Pengguna 2022, pengiktirafan berprestij oleh National Consumer Action Council atau Majlis Tindakan Pengguna Negara (“MTPN”).



From left: IBN Sales Manager Kevin Chai 蔡凯文, Director of Sales Dept Branden Ng 吴柏良, Vice President





Open in app

Get started

perkhidmatan, profesionalisme dan integriti mereka. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Anugerah Pilihan Pengguna 2022 telah juga diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Ia adalah kemuncak pencapaian usaha dan kesetiaan jenama pemenang kerana ia berdasarkan tinjauan MTPN yang mengumpul dan menyemak pendapat beribu-ribu pelanggan setiap tahun. Syarikat menggunakan dapatan ini untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dan pembangunan perniagaan, manakala sistem promosi sosial memberi kuasa kepada pelanggan untuk lebih berpengetahuan dalam membuat pilihan pembelian.



IBN Corp Ltd Vice President Megat Khalil Izzuddin Shah posing at the award ceremony





Open in app

Get started

dalam mememenuhi kepuasan pelanggan. “Dari sesi penglibatan dengan bakal pembeli hartanah dan pelabur yang berpengalaman sehinggalah kepada menjalankan tinjauan pasaran khusus, pasukan kami sentiasa berusaha untuk menambah baik cara kami menjalankan perniagaan. Kami berbesar hati untuk diiktiraf di atas prestasi profesional dan kepakaran kami,” kata Naib Presiden IBN Corp Megat Khalil Izzuddin Shah.

“Kami sangat menghargai undi keyakinan oleh pelabur hartanah, pihak pemegang taruh dan mereka yang mengenali kami. Kami teruja kerana begitu ramai orang di rantau ini mengaitkan IBN Corp sebagai antara pemaju hartanah mewah yang dipercayai” tambah Megat.

IBN Corp, yang ditubuhkan secara rasmi di Malaysia pada 2018, memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah mewah dan mempunyai pangkalan pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada pembeli luar negara. Pembangunan utama IBN Corp termasuk IBN Bukit Bintang — pembangunan bertingkat tinggi mewah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.3 bilion yang akhirnya akan menjadi bangunan kediaman tertinggi di Kuala Lumpur serta IBN Highlands City, projek pembangunan bercampur dengan GDV RM6.2 bilion yang terletak di Genting Highlands.

Projek pembangunan kecil lain melibatkan anak syarikatnya adalah Bentong Eco Park di Pahang dan Green City di Serendah, Selangor.

